



Ruj. Kami : UPNM(PB) 02.01/36 (9)
Tarikh : 15 Mei 2018

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**PERWAKILAN KUASA BAGI MENJALANKAN TUGAS PENGURUSAN KEWANGAN DI
PERINGKAT PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj)**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Merujuk perkara di atas dengan segala hormatnya.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa perwakilan kuasa bagi menjalankan tugas pengurusan kewangan di peringkat PTj adalah seperti yang dilampirkan di **LAMPIRAN A**. Penama bagi perwakilan kuasa tersebut seperti di **LAMPIRAN B**.

3. Dalam menjalankan urusan kewangan di peringkat PTj, YBhg. Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan adalah tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan, Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta mana-mana peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

4. Kuasa-kuasa yang diwakilkan seperti di **LAMPIRAN A** tidak boleh diperturunkan kepada pegawai-pegawai lain di peringkat PTj. Walau bagaimanapun pelantikan pegawai bagi membantu menguruskan kewangan adalah dibenarkan secara bertulis dan disalinkan kepada saya dan Bendahari untuk tujuan kawalan dan pemantauan. Format Suratcara Pelantikan Pegawai bagi Membantu Menguruskan Kewangan di PTj adalah seperti di **LAMPIRAN C dan C-1**

5. Perwakilan kuasa ini hendaklah disifatkan berkuat kuasa mulai daripada tarikh surat ini dan adalah tertakluk kepada semakan semula dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

وبالله توفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,

DATO' HJ ABDUL HALIM BIN HJ JALAL
Leftenan Jeneral
Naib Canselor

Kewajipan, Maruah, Integriti